

Bakal suami kurang berusaha

SAYA bakal berkahwin Oktober ini, tetapi kini dihimpit kebingungan dan perasaan tidak pasti kerana mengangap bakal suami mengambil kesempatan.

Saya seorang profesional dan berpendapatan tinggi sedangkan bakal suami berjawatan rendah.

Dia awal-awal lagi sudah menyatakan tidak mempunyai walau sesen pun wang untuk hantaran dan meminta saya membuat pinjaman peribadi bagi pihaknya untuk menyelesaikan hal ini.

Saya kecewa kerana beranggapan dia mengambil kesempatan dan kurang berusaha untuk mendapatkan hantaran berkenaan kerana menganggap saya ada untuk menolongnya.

Dia juga sudah membuat perkiraan mengenai perbe-

lajaan selepas kahwin yang kebanyakannya membabitkan wang pendapatan saya.

Saya sayangkannya, tetapi bila mengenangkan sikapnya yang seolah-olah mengambil kesempatan menyebabkan tawar hati. Apa perlu saya lakukan? Adakah betul keputusan yang saya buat, sekiranya meneruskan cadangannya untuk membuat pinjaman? Harap bantulah saya.

DALAM DILEMA
Kuala Lumpur

JAWAPAN

DR dapat rasa dan memahami perasaan tawar hati dan kebingungan adik.

Sikap tunang yang ambil mudah persiapan dan perbelanjaan kewangan perkahwinan menunjukkan sikap

tidak mahu bertanggungjawab selain tiada komitmen terhadap hubungan kalian.

Sikap ini dikhuatiri nanti terbawa-bawa dalam rumah tangga. Gaji kecil dan berjawatan rendah bukanlah alasan meletakkan segala beban kewangan kepada adik. Tunang perlu berusaha menyediakan perbelanjaan kewangan untuk majlis perkahwinan mengikut kemampuannya.

Usaha tunang menyediakan keperluan perkahwinan menunjukkan dia sanggup berkorban untuk adik. Ini bukan soal sama ada adik mampu atau tidak membantunya, tetapi setakat mana pengorbanan cintanya kepada adik. Perkahwinan boleh dilakukan mengikut kemampuan kewangan tunang.

Jika adik meminjam untuk menyelesaikan soal hantaran dan lain-lain, ini bermakna adik menanggung segala perbelanjaan. Bukannya adik tidak boleh membantunya tapi ia perlu dalam konteks membantu mencukupkan apa yang kurang.

Bukan menyediakan segala-galanya dan mengeluarkan semua perbelanjaan. Masalah kewangan boleh menjadi isu sensitif dalam perhubungan. Ia juga antara faktor terbesar yang menyumbang kepada keretakan dan seterusnya perceraian suami isteri.

Justeru, adik dan tunang perlu berbincang secara baik mengenai masalah ini. Bincang apa yang patut disediakan tunang dan apa bantuan adik boleh hulurkan.

Jurutera terburu-buru berhenti kerja disaran buang sikap negatif

SAYA sudah menamatkan pengajian dan kini menghadapi masalah dengan pemilihan kerjaya. Saya minat melukis, tetapi melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan.

Ketika tahun akhir, saya pernah terfikir untuk menjadikan minat melukis sebagai kerjaya dan apabila tamat pengajian, terus bekerja sebagai pembantu penyelidik selama enam bulan.

Selesai kontrak, saya menyertai program latihan untuk graduan selama setahun dan perlu menjalani latihan praktikal di sebuah syarikat kejuruteraan.

Saya menyertainya kerana kurang yakin menjadi seorang jurutera yang baik dan ingin memperbaiki diri di samping mencari pekerjaan berkaitan bidang pengajian.

Selepas empat bulan, saya buat keputusan mengejut menarik diri dan kini bekerja di syarikat lain.

Saya lakukan kerana rasa amat tertekan dengan suasana kerja, selain terkilan melihat rakan lain yang turut sama menjalani latihan praktikal ditawarkan jawatan terus. Ketika menjalani latihan, saya dkegur penyelia kerana terlalu pendiam dan kurang agresif.

Saya cuba mengatasinya, tetapi gagal menyebabkan kekecewaan, marah dan kurang

yakin terhadap diri, sekali gus tidak layak menggalas tugas sebagai jurutera.

Saya cuba mencari jalan penyelesaian dengan memohon pekerjaan berkaitan minat dan kini baru bekerja di tempat baru.

Saya sangka gembira, tetapi tidak. Sepatutnya saya tidak menerima tawaran ini sebaliknya bekerja bersungguh-sungguh di tempat lama.

Saya kesal kerana mengambil keputusan terburu-buru dan melepaskan peluang bekerja di sebuah syarikat sesuai dengan kelulusan.

Di tempat baru pula, saya terasa terasing kerana pemikiran berlainan dengan rakan sekerja walaupun mereka ramah dan sentiasa membantu.

Akibatnya, saya jadi kurang fokus dan lebih tertekan selain menyedari minat ini hanya sesuai dijadikan hobi.

Kini saya tidak tahu apakah matlamat kerjaya selain fikiran buntu. Perlukah saya terus bekerja di syarikat baru atau mencari peluang bekerja sebagai jurutera? Masih kali saya ada peluang kembali ke bidang itu dengan pengalaman yang masih kurang?

Bagaimana saya dapat meningkatkan keyakinan diri supaya dapat menjalankan

tugas jurutera dengan baik. Bantulah saya.

KELIRU
Petaling Jaya

JAWAPAN

TAHNAH kerana adik berjaya menamatkan pengajian. Adik berjaya mengharungi kesukaran pengajian, namun dari sudut kerjaya, masih lagi tercari-cari kerjaya ingin diceburi. Kerjaya jurutera penting dan besar kepada kemajuan negara dan perkembangan semasa di Malaysia mendorong permintaan tinggi terhadap profesion berkenaan.

Kegagalan mendapatkan pekerjaan berpunca daripada masalah sikap, rasa tidak yakin dan tidak fokus pada apa yang ingin dilakukan.

Apabila adik tidak dapat menangani masalah itu, perasaan kecewa pada diri sendiri pastinya wujud.

Rasa kecewa ini berterusan hingga fikiran adik teramat buntu. Penerokaan kerjaya sebaiknya bermula awal dari peringkat kecil dan berterusan di sekolah menengah. Penetapan kerjaya sepatutnya sudah berlaku apabila tamat pengajian tinggi.

Namun adik bernasib baik kerana masih tidak telam-

bat untuk berjaya dalam apa jua kerjaya diceburi. Adik masih mempunyai masa untuk mengubah sikap negatif yang menghalang fokus dalam kehidupan. Pada dasarnya adik seorang yang berpotensi kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan. Ini pencapaian yang membanggakan.

Adik kini perlu memperbaiki ciri kekurangan dalam diri seperti kurang yakin dan terlalu pendiam.

Adik boleh mengikuti bengkel atau kelas kemahiran berkomunikasi. Satu cara lagi ialah dengan mengubah pemikiran negatif kepada positif iaitu sifat kurang yakin dan pendiam boleh diubah. Perubahan ini memerlukan latihan dan pertukaran minda. Jika berusaha gigih, Dr amat yakin adik boleh menjadi orang serba boleh.

Masalah kurang yakin pada diri, kurang bijak berkomunikasi setiap graduan adalah antara punca sukar mendapat pekerjaan.

Institusi pengajian tinggi (IPT) kini menggunakan pakai pendekatan yang betul dan sesuai untuk menerapkan kemahiran insaniah dan nilai tambah di kalangan mahasiswa.